


Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DPMM

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC)



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Timbalan Pengerusi (Tetap) Majlis Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) (tiga, kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Majlis NDMC Ke-43 bertempat di Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, (NDMC) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman (tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-43 Tahun bertempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

TUNGGU LINK, Khamis, 16 Februari. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-43 Tahun

Kementerian Pertahanan dan ABDB

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BOLKIAH GARISON, Khamis, 16 Februari. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di semua surau di Perkhemahan dan Garison ABDB sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB Ke-43 Tahun.

Hadir pada majlis utama yang diadakan di Surau Ad-Difa' Kementerian Pertahanan, Bolkiah

Garison, ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Turut hadir, ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abd Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, TLDB, serta Pemerintah-Pemerintah Tentera, Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan ABDB, pegawai-pegawai dan kakitangan awam Kementerian Pertahanan dan ABDB.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (dua, kanan) dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB Ke-43 Tahun.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Maa'idah oleh Sarjan (U) Haji Muhamad Syasuandi bin Haji

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Majlis NDMC Ke-43 Tahun bertempat di Masjid Perpindahan Lambak Kanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Timbalan Pengerusi (Tetap) Majlis NDMC.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Tahlil yang diketuai oleh Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Khairul Arifin bin Haji Yussop.

Bacaan Dikir Ashrafal dan Doa Kesyukuran yang dibacakan oleh Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Abdul Malik meneruskan majlis itu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'; Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman

@ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEDN.

NDMC yang juga dikenali sebagai National Disaster Management Centre mula ditubuhkan pada 1 Ogos 2016 di bawah mandat Perintah Pengurusan Bencana, 2006.

Sejak ditubuhkan, pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh NDMC dengan kerjasama pelbagai agensi dalam sama-sama memelihara keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini dari sebarang kejadian yang tidak baik.

Salah satu dari pendekatan yang diambil oleh NDMC ialah pengurangan risiko bencana atau *disaster risk education* yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kerosakan dan kerugian yang dibawa oleh sesuatu kejadian bencana melalui tindakan-tindakan yang teratur sertaersistematik.

NDMC terletak di Jalan Landasan Lama Berakas berdekatan dengan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat.

UBD, UNISSA dan UTB

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah juga merupakan Pro Canselor UBD, Pro Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Pro Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Acara dimulakan dengan menunaikan Solat Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid UBD, diikuti dengan Solat Sunat Hajat Berjemaah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Muhammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan diikuti dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah sebelum majlis berakhir.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UBD, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis merupakan anjuran bersama UNISSA, UBD dan UTB.

Abu Bakar dari Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT) diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib,

Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.